

# Pusat pendidikan Islam tersohor

Projek SRITIS perintis kewujudan sekolah menengah, kolej dan universiti tahfiz di Sijangkang

**SIJANGKANG** - Projek pembinaan Kompleks Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi Sijangkang (SRITIS) bakal menjadikan kawasan ini sebagai pusat pendidikan Islam tersohor seperti pada awal tahun 50 ke 60-an dahulu.

Ia akan beroperasi bermula tahun hadapan dengan pendaftaran murid tahun satu sebanyak dua kelas.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, projek itu bakal membuka mata masyarakat dalam usaha memperbanyakkan lagi

pembinaan sekolah agama, di sini.

Menurutnya, semalam adalah simbolik sebagai permulaan batu asas dan selepas ini akan wujud sekolah menengah, kolej dan universiti tahfiz di Sijangkang.

"Matlamat kita adalah mewujudkan masyarakat yang bukan sahaja berilmu malah menjadikan al-Quran sebagai petunjuk dalam kehidupan.

"Bagi saya, cita-cita besar ini perlu disahut semua pihak khususnya masyarakat Sijangkang untuk bersama-

sama memberi pendidikan terbaik kepada anak-anak di sini," katanya dalam Projek Pecah Tanah dan Pelancaran Tabung Dana SRITIS, semalam.

Ahmad Yunus berkata, projek ini adalah kesinambungan daripada pusat pendidikan pondok yang popular di Sijangkang sejak zaman dahulu seperti Pondok Kiyai Ali dan Kiyai Husin.

Katanya, beliau yakin projek ini nanti menjadi kebanggaan rakyat di Sijangkang dan Kuala Langat dalam menikmati pendidikan terbaik.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penubuhan SRITIS, Hairulizam Saliban berkata, kutipan dana setakat ini mencecah RM100,000 dan pembinaannya bakal dimulakan September ini hingga Jun 2017.

Menurutnya, masjid dan Ahli Jawatankuasa SRITIS berhasrat melaksanakan pembinaan pusat pendidikan berasaskan tahfiz dan integrasi.

"Pada masa ini, bangunan bilik mesyuarat dan dewan masjid dijadikan bangunan sementara sekolah," katanya.



Ahmad Yunus (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian pembinaan projek SRITIS, semalam.

## Promosi gaya hidup sihat

**BANTINGBARU** - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Morib menggesa pelbagai pihak terus menganjurkan program kesihatan gaya hidup sihat di setiap kawasan.

Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkata, beliau meletakkan satu harapan apabila program yang sangat relevan untuk promosi cara hidup sihat diteruskan bagi memberi impak kepada masyarakat.

Menurutnya, tidak dinafikan penyakit berjangkit seperti denggi telah ditangani sebaik mungkin tetapi penyakit yang berkaitan dengan cara hidup dan pemakanan, perlu diambil perhatian juga.

"Saya fikir usaha kerajaan negeri ini perlu diperhebatkan lagi bagi membantu memberi pemahaman kepada masyarakat selepas melihat sambutan yang menggalakkan.

"Mengikut statistik terkini, kes penyakit kencing manis mencecah

**“ Saya fikir usaha kerajaan negeri ini perlu diperhebatkan lagi bagi membantu memberi pemahaman kepada masyarakat. ” - Hasnul**

20 peratus manakala darah tinggi sebanyak 40 peratus bagi penduduk Selangor. Jadi, sudah tentu jumlah itu perlu diberi perhatian," katanya pada Program Karnival Jom Sihat di Banting Baru, semalam.

Program dirasmikan Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi dan turut dihadiri Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani dan Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamed Tengku Harun.

Hasnul berkata, beliau mahu masyarakat di Selangor menyambut baik

kesedaran itu.

Katanya, ia berikutan program melibatkan kesihatan sukar mendapat sambutan terutama jika turut diadakan promosi saringan kesihatan.

Sementara itu, Daroyah berkata, program tersebut berjaya menarik minat pengunjung dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan antaranya berjalan 10,000 langkah, zumba, derma darah dan kesedaran bahayanya denggi.

Di samping itu, terdapat juga penjualan produk kesihatan yang memberi peluang kepada pengunjung mendapat maklumat mengenai sesuatu produk.

Pada program berkenaan, lebih 1,000 pengunjung hadir bersama-sama memeriahkan Karnival Sihat Selangor peringkat Daerah Kuala Langat anjuran bersama Jawatankuasa Tetap Kesihatan Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

## Jangan culas bayar pinjaman Tekun



Antara pemohon pinjaman Tekun Nasional yang menunggu giliran mendapatkan surat sokongan.

**BANDARSAUJANA PUTRA** - Peminjam Tekun diharapkan konsisten membuat pembayaran balik bagi memberi peluang peminjam lain untuk membuat pinjaman.

Penaung Tekun Daerah Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, budaya tidak patuh membayar balik pinjaman menyebabkan banyak pihak berdepan pelbagai masalah sehingga memberi imej negatif kepada agensi berkenaan.

Menurutnya, beliau terpenggil untuk terus memberi khidmat nasihat kepada peniaga kecil selepas ini supaya mereka menerima maklumat yang tepat.

"Bagaimanapun, saya juga akan terus memberi sokongan kepada pinjaman kecil Tekun untuk kelulusan sekiranya layak.

"Saya harap, lepas ni tak ada timbul isu susah nak mohon pinjaman Tekun sebab siapa sahaja boleh pinjam tapi perlu patuhi syarat," katanya pada Majlis Penyerahan Permohonan dan Penyertaan Tekun Nasional Peringkat Zon 7 Kuala Langat di Dewan Pangsapuri Sri Saujana, Bandar Saujana Putra.

Beliau turut gembira apabila pelbagai permohonan diterima dan mendapat maklum balas positif.

Katanya, beliau yakin selepas ini lebih ramai lagi peniaga kecil mendapat manfaat daripada taklimat tersebut.

"Bagaimanapun, saya sendiri akan mendapatkan maklum balas daripada Tekun Nasional mengenai pemohon yang layak supaya terus mendapat peluang berniaga dengan baik.

"Pada masa ini, kebanyakan peniaga memang dapat peluang perniagaan yang baik cuma tak dapat pinjaman disebabkan kekurangan maklumat atau tidak tahu saluran yang ada," katanya.



Daroyah turut terlibat dalam aktiviti berjalan 10,000 langkah Program Karnival Jom Sihat di Banting Baru.